

Headline	Ahmad Tajuddin terima pingat kebesaran daripada Jepun		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Apr 2019	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	45
ArticleSize	107 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,344		



Ahmad Tajuddin terima pingat kebesaran daripada Jepun

KUALA LUMPUR 5 April - Pengerusi Sirim Bhd., Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali menerima pingat kebesaran daripada kerajaan Jepun atas sumbangannya dalam m e n g g a l a k k a n kerjasama ekonomi Malaysia dengan negara matahari terbit itu.

Duta Besar Jepun ke Malaysia, Dr. Makio Miyagawa berkata, Ahmad Tajuddin mempunyai kerjaya yang cemerlang dalam sektor kerajaan dan korporat selain pernah menerajui beberapa organisasi.

"Antara jawatan yang per-

nah disandang Ahmad Tajuddin sebelum ini ialah Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pengerusi Gas Malaysia Snd. Bhd. dan Pengerusi Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

"Semasa menjadi Pengerusi Suruhanjaya Tenaga, Ahmad Tajuddin telah menganjurkan persidangan pertama berkaitan bekalaan dan permintaan tenaga selain menyediakan peluang berharga buat Jepun berkongsi pengeta-

huan serta pengalaman dengan negara ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.



AHMAD TAJUDDIN ALI